

## PERANAN AL-QURAN DALAM KITAB *NAŞĀ’IH AL-‘IBĀD* OLEH SHAYKH NAWĀWĪ AL-BANTĀNĪ

(The Role of The Holy Quran in the Book *Naşā’ih al-‘Ibād* by  
Shaykh Nawāwī al-Bantānī)

<sup>1, 2</sup> ARWANSYAH\*

<sup>2</sup> FAISAL AHMAD SHAH

<sup>1</sup> Desa Batu Sondat, kec; Batahan, Kab; Mandailing Natal, Medan Sumatera Utara,  
22988, Indonesia.

<sup>2</sup> Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jalan  
University, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

### ABSTRAK

Kitab *Naşā’ih al-‘Ibād* karangan Shaykh Nawāwī al-Bantānī merupakan antara kitab klasik terpenting tentang aspek *Targhib wa Tarhib*, yang tersebar luas di Asia Tenggara khususnya bagi masyarakat Indonesia. Kitab ini berisi nasihat-nasihat agama yang sebahagian kecil ada bersumber daripada al-Quran yang digunakan sebagai penyokong atau penguat bagi hadis-hadis yang terdapat di dalamnya. Untuk itu kewujudan al-Quran yang terdapat dalam kitab tersebut perlu dikemukakan agar dapat diketahui sejauh mana pentingnya peranan al-Quran dalam kitab tersebut. Makalah ini akan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam kitab *Naşā’ih al-‘Ibād* untuk melihat sejauh mana peranannya dalam membantu atau menyokong hadis-hadis yang terdapat dalam kitab tersebut. Makalah ini menggunakan metode kajian dokumentasi dengan merujuk langsung kepada kitab *Naşā’ih al-‘Ibād* dan membandingkannya dengan penulisan ulama-ulama lain. Akhir sekali makalah ini merumuskan bahawa Shaykh Nawāwī al-Bantānī lebih menumpukan penerangan kitabnya kepada hadis-hadis, *athar-athar* dan perkataan *hukama’* dibandingkan al-Quran, walau bagaimanapun sedikit banyaknya kewujudan al-Quran tetap menjadi penyokong dan memiliki peranan dalam penulisan beliau.

**Kata Kunci:** Peranan; al-Quran; hadis; *Naşā’ih al-‘Ibād*; al-Bantānī

\*Corresponding author: Arwansyah, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jalan University, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, mel-e: marwan.akram@ymail.com

Diserahkan: 22 Oktober 2015

Diterima: 27 April 2016

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2017-0901-08>

## ABSTRACT

*Naṣā'ih al-'Ibād, which was written by Shaykh Nawāwī al-Bantānī is among the most important autobiographical book about Targhib wa Tarhib, and has been widely referred to in the southeast Asia, particularly by the Indonesian society. The book contains religious advice based on the Quran and is used as a supporter or interpreter or the hadiths found therein. Therefore, this paper aims to analyze the verses of the Quran used so that the importance of the involvement/contribution/usage of Quran in helping or supporting the hadiths contained in the book can be ascertained. This paper applies the method of documentation studies with a direct reference to the book of Naṣā'ih al-'Ibād and comparing it with other scholars writing. Finally, this paper concluded that Shaykh Nawāwī al-Bantānī was focusing more on the description of his book to the hadits, athar-athar and hukama word than the Quran, however, to some extent the involvement of the Quran to support his writing.*

**Keyword:** The Role; al-Quran; hadis; Naṣā'ih al-'Ibād; al-Bantānī

## PENGENALAN

Islam adalah agama yang sempurna yang sudah tentu mengandungi hukum yang mesti dipatuhi oleh pengikutnya. Dalam menentukan hukum tersebut Islam mengambilnya daripada al-Quran dan hadis Nabi SAW. al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril dengan cara *mutawatir* dan bernilai ibadah apabila membacanya (Moh 1978), sedangkan hadis pula adalah perkataan Nabi, perbuatan, ketetapan, sifat-sifat Nabi SAW sama ada bersifat jasmani maupun rohani (Nuruddin 'Itr 1992).

Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini dikategorikan sebagai kitab nasihat dan *tazkiyah al-nafs* (penyucian diri). Selain mengandungi ayat-ayat al-Quran ianya juga banyak mengandungi hadis Nabi, syair-syair, perkataan *hukama'* dan nasihat-nasihat agama daripada ulama. Nasihat-nasihat agama itu pula majoriti bersumber daripada kata-kata hikmah para *hukama'* terkenal daripada pelbagai kalangan sama ada daripada ahli hadis, fiqh dan tasawuf, dan juga cerita dan hikayat daripada ulama-ulama terdahulu atau orang-orang sesudah mereka. Dari situ jelaslah bagi kita bahawa kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini bukan hanya berisikan hadis-hadis Nabi sahaja, tetapi juga terdapat yang lainnya seperti syair, *athar* sahabat dan kata-kata nasihat daripada para *hukama*.

Al-Quran sebagai sumber hukum utama dalam Islam memiliki peranan khusus terhadap isi kandungan kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* sama ada terhadap hadis, syair, perkataan *hukama'* maupun yang lainnya. Disebabkan kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini

digunakan sebagai bahan rujukan bagi mendidik masyarakat Islam di Nusantara khususnya Indonesia, serta mampu bertahan dalam renggang waktu yang begitu lama sudah wajarlah kitab yang tinggi nilainya ini menarik perhatian penulis untuk mengkajinya. Selain itu kajian ini amat penting ditulis kerana al-Quran adalah sumber utama dalam rujukan, mengenalkan kepada pembaca bahawa ayat al-Quran yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih* sebagai bayan *ta'kid*, *tawdhīh*, *tafsīl* dan *bayan gharib* bagi isi kandungan kitab tersebut dan dapat menambah maklumat bagi pembaca bahawa isi kitab *Naṣā'ih al-‘Ibād* bukan hanya hadis dan athar sahaja tetapi terdapat juga ayat-ayat al-Quran meskipun jumlahnya tidak banyak. Kajian ini ditulis secara amnya bertujuan untuk meninjau ketokohan ulama Nusantara iaitu Shaykh al-Nawāwī Bantānī dan menjelaskan peranan al-Quran terhadap isi kandungan kitab *Naṣā'ih al-‘Ibād*.

## KAJIAN LITERATUR

### Biografi Shaykh Nawāwī al-Bantānī

Namanya adalah Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Arabi bin ‘Alī (Sarkis t.th). Beliau dilahirkan pada tahun 1230H/1813 M di kampung Tanara, Serang, Kecamatan Tirtayasa Kabupaten Banten, Jawa Barat Indonesia (Chaidar 1978). Shaykh Nawāwī wafat ketika berusia 84 tahun, iaitu pada 24 Syawal 1314 H/1897 M di Shi’ib ‘Ali Makkah (Rafi’uddin Ramli t.th). Beliau adalah anak sulung daripada tujuh adik-beradik (Rafi’uddin Ramli t.th). Shaykh Nawāwī merupakan salah seorang daripada keturunan Mawlana Hasanuddin (Sultan Hasanuddin) putra Mawlana Syarif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati, Cirebon) (Ensiklopedia Islam 1994). Shaykh Nawāwī mempunyai pemahaman yang kuat terhadap agama dan berpendidikan, kerana telah dididik oleh ibu dan ayahnya yang memiliki sifat warak (al-Bantani 1996). Semasa kecil, Shaykh Nawāwī belajar ilmu pengetahuan daripada bapanya sendiri iaitu Kyai ‘Umar setelah itu beliau pergi ke beberapa pondok pesantren di pulau Jawa dan belajar kepada Kyai Sahal dan Kyai Yusuf (Ensiklopedia Islam Indonesia 1993). Ketika berumur 15 tahun, Shaykh Nawāwī pergi ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji dan bermukim di sana selama tiga tahun (Hurgonye C. Snouck 1931). Di Makkah, beliau belajar ilmu kalam, bahasa dan sastera arab, ilmu hadis, tafsir dan ilmu fikah daripada Sayid Aḥmad Nahrawī, Sayid Aḥmad Dimyāṭī, Aḥmad Zayni Dahlan Shaykh ‘Abdul Gani Bima, Shaykh Yūsuf Sumulaweni, Shaykh ‘Abdul Ḥāmid Dagastani dan lain-lain (Ensiklopedia Islam 1994; Wan Mohd Saghir 2000). Di Madinah pula belajar kepada Muḥammad Khaṭīb al-Ḥanbali (Ensiklopedia Islam Indonesia 1993). Dengan bekal ilmu pengetahuan yang telah diperolehnya selama melakukan *rihlah* yang cukup panjang (kurang lebih selama 30 tahun), Shaykh Nawāwī mulai memberikan pelajaran (halaqah di Masjid al-Haram) pada usia 21 tahun. Sebahagian besar daripada murid-muridnya berasal daripada

Indonesia seperti Banten (Jawa Barat), Madura, Minangkabau, Ternate dan lain-lain (Hamka 1981). Murid-muridnya merupakan tokoh ulama dan pemimpin umat antaranya ialah K.H Hasyim Ash'ari, K.H Khalil, K.H Raden Asnawi, K.H Tubagus Muhammad Asnawi, K.H Tubagus Bakri, K.H Ilyas, K.H Abdul Gaffer, K.H Nahjun (Rafi'uddin Ramli t.th), dan H.Wasit (Hamka 1981). Murid beliau daripada Malaysia (Perak) iaitu K.H Dawud (Ensiklopedia Islam 1994). Tercatat bahawa jumlah murid yang mengikuti halaqah beliau setiap tahun tidak kurang daripada 200 orang (al-Bantani 1996). Pemikiran Shaykh Nawāwī dalam ilmu kalam atau teologi Islam adalah penganut Ahli Sunnah (Ensiklopedia Islam Indonesia 1993). Dalam bidang Syariat berpandukan kepada al-Quran, hadis, ijma' dan qiyas (Ensiklopedia Islam 1994). Karya-karya ilmiyah beliau banyak tersebar dan dipergunakan terutama di negara-negara yang menganut Mazhab Shafie (Zamakhshyari Dhofier 1984). Shaykh Nawāwī telah menulis paling tidak 9 bidang ilmu pengetahuan iaitu tafsir, fiqh, usuluddin, ilmu tauhid (teologi), tasawuf, kehidupan Nabi, tatabahasa Arab, hadis dan akhlak (C. Brockelmann 1960). Sebahagian besar karya beliau juga merupakan syarahan bagi kitab-kitab ulama terkenal dengan keterangan dan gaya bahasa yang mudah dipahami (Bruinesen Martin Van 1995). Di antara hasil karangan beliau ialah dalam bidang Tafsir: *Tafsīr al-Munīr li Ma'alim al-Tanzīl* atau lebih dikenali juga dengan nama *Tafsīr Marah Labīb li Kasfh Ma'nā al-Qur'ān Majīd*. Dalam bidang hadis *Kitab Tanqīh al-Qawl*, *Sharḥ Kitāb Lubāb al-Hadīth* karya Imam al-Suyūṭī, *Naṣā'iḥ al-'Ibād fī Bayān al-Fāz Muṇabbihāt 'Ala al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ad*. Dalam bidang Tauhid *Fatḥ al-Majīd Sharḥ Kitāb al-Dūr al-Fariḍ fī al-Tawhīd*, *Tijān al-Ḍarārī Sharḥ Risalāt fī al-Tawhīd* karya al-Bajūrī. Dalam bidang fikah *Sullām al-Munājah Sharḥ Kitāb Safrīnah al-Ṣalāh*, *al-Tawshīh Sharḥ Kitāb Fatḥ al-Qarīb al-Mujīb* karya Ibn Qasūn al-Ghāzī, *Nihāyah al-Zayn*. Dalam bidang Akhlak dan Tasawwuf *Salālim al-Fudalā* merupakan ulasan atas *Manzūmah Hidayat al-Azkiyā* karya Shaykh Zain al-Malibari, *Miṣbāḥ al-Zalam*, *Bidāyah al-Hidāyah*. Dalam bidang sirah atau tarikh *al-Ibrīz al-Dani*, *Bugyah al-'Awam*, *Fatḥ al-Ṣamad*. Dalam bidang bahasa *Fatḥ Gafīr al-Khatīyah*, *Lubāb al-Bayān*, dan lain-lain. Pujiyan para ulama kepada Shaykh Nawāwī telah termaktub bersama kitab hasil karya beliau di antaranya *Min 'Ayān 'Ulamā al-Qarn al-'Arabi' al-Asħar li al-Hijrah* (tokoh ulama abad ke 14 Hijrah) dalam kitab *Nihāyah al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi'īn* (Sarkis t.th), *al-Imam al-Muhaqqiq wa al-Fahm al-Muhaqqiq*, Sayyid 'Ulāma Ḥijāz dalam kitab *Tafsīr al-Munīr*, *Imam ulama al-Haramayn*, salah seorang fuqaha' dan Hukama al-Mutaakhirin dan maha guru (Ensiklopedia Islam Indonesia 1993). Tokoh ulama besar di awal abad kesembilan belas atau di penghujung abad ke tiga belas (Hamka 1981) dan pujangga dunia (Chaidar 1978).

## Pengenalan Kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād*

Kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* merupakan salah satu di antara karya Syaikh Nawāwī. Tajuk lengkap kitab sebagaimana tertera dalam pendahuluan kitabnya iaitu *Naṣā’ih al-‘Ibād fī Bayān al-Fāz Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād li Yawm al-Ma’ad*, yang ertiannya (nasihat-nasihat kepada hamba, penjelasan terhadap lafaz-lafaz kitab, peringatan terhadap persediaan diri pada hari kiamat). Kitab ini adalah syarah terhadap kitab karangan Ibn Hajar al-‘Asqalānī (al-Bantānī t.th). Shaykh Nawāwī menulis kitabnya ini dengan bahasa Arab, beliau memulainya dengan muqaddimah yang mengandungi *Basmalah*, puji-pujian terhadap Allah SWT serta selawat dan salam bagi jujungan Nabi SAW. Kemudian, beliau menerangkan bahawa kitab yang beliau tulis merupakan syarahan terhadap kitab nasihat *Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād li Yawm al-Ma’ad* yang dikarang oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī. Sesudah itu beliau namai kitab karangan beliau ini dengan judul *Naṣā’ih al-‘Ibād fī Bayān AlFāz Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād li Yawm al-Ma’ad*. Pada pendahuluan kitab, Shaykh Nawāwī menyebutkan dua buah hadis dengan tujuan untuk bertabarruk. Kedua-dua hadis yang beliau sebutkan merupakan hadis yang diijazahkan oleh guru-gurunya, yang sanadnya bersambung kepada Nabi SAW. Hadis yang pertama diijazahkan oleh gurunya Shaykh Muḥammad Khaṭīb al-Shāmī al-Ḥanbalī (al-Bantani t.th), sedangkan hadis yang kedua diijazahkan oleh al-‘Allamah al-Sayyid Muḥammad al-Marsafī al-Maṣrī (al-Bantani t.th).

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### Peranan al-Quran dalam Kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* oleh Shaykh Nawāwī al-Bantānī

Sebelum kita membincangkan peranan al-Quran yang terdapat dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* oleh Shaykh Nawāwī al-Bantānī, penulis ingin menjelaskan bahawa dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* ini terdapat beberapa kandungan:

#### Ayat al-Quran

Ayat al-Quran yang ditafsirkan dan dimasukkan oleh Shaykh Nawāwī dalam kitabnya ini adalah ayat yang berhubung kait dengan hadis, *athar*, syair, hikayat dan sebagainya yang disebutkan oleh pengarang kitab ini ataupun yang berhubungan dengan syarahan beliau.

#### Hadis Nabi Muhammad SAW

Kitab ini banyak mengandungi hadis daripada Rasulullah SAW sama ada ditulis dalam bentuk matan langsung ataupun ditulis dalam bentuk makna sahaja, dari

pelbagai tingkat kesahihan hadis *sahīh*, *hasan*, *da’if* dan *da’īf jiddān*, *mawdū’* bahkan ada yang tidak ditemukan sumber asalnya.

### Nasihat

Kata-kata *Nasihat* merupakan pokok utama daripada kandungan kitab ini sebagaimana nampak jelas pada judulnya: *Naṣā’ih al-‘Ibād* yang ertiannya (*Nasihat untuk hamba*), dalam judul ini tersirat *Nasihat Tarbawiyah* bagi manusia terhadap aspek kehidupan yang dijalani di dunia ini, nasihat-nasihat ini dikutip daripada al-Quran al-Karim dan tafsirannya, hadis Nabi Muhammad SAW, cerita dan hikayat daripada ulama terdahulu atau orang sesudah mereka, kata hikmah daripada sahabat Nabi, para ulama yang mengandungi nasihat dan pelajaran, syair yang berisikan hikmah. Untuk lebih jelasnya dapat kita lihat di bawah ini beberapa peranan al-Quran dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* yang berperanan sebagai:

#### Sebagai *Bayān al-Ta’kīd*

Kalimat *al-Bayān* dertikan sebagai ungkapan untuk menjelaskan atau menyingkap maksud sesuatu dengan menggunakan lafadz yang paling baik (Haji Dasuki Ahmad 2012). Sedangkan dalam *Mu’jam al-Wāsiṭ* lafadz kalimat *al-Bayān* dertikan sebagai penjelasan dan hujjah terhadap sesuatu yang mau diungkapkan (Ibrāhim Muṣṭafā dkk 1960). Sedangkan kalimat *al-Ta’kīd* ertiannya adalah menguatkan ucapan dengan sesuatu sehingga mudah dipahami (Ibrāhim Muṣṭafā dkk 1960). Jadi kalimat *Bayān al-Ta’kīd* adalah penjelasan terhadap suatu perkara yang dikuatkan oleh perkara yang lain. Imam Ahmad bin Ḥanbal mengertikan bahawa yang dimaksud dengan *Bayān al-Ta’kīd* adalah menerangkan apa yang dimaksudkan oleh sesuatu misalnya menerangkan apa yang dimaksudkan oleh al-Quran dan sebagainya (Hasbi ash-Shiddieqy 2010). Tetapi di sini penulis menyatakan bahawa yang dimaksud dengan *Bayān al-Ta’kīd* dalam kajian ini adalah: penulis kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* memasukkan ayat-ayat al-Quran sebagai penguat untuk menguatkan pernyataan ulama, hadis Nabi, hikayat-hikayat, syair dan ungkapan pengarang. Contohnya terhadap ungkapan ulama sebagai berikut (Abu Mazaya al-Hafiz 2010):

لَا غَرْبَةَ لِلْفَاضِلِ وَلَا وَطْنَ لِلْجَاهِلِ

Maksud: Tiada pengasingan bagi orang mulia (berilmu) dan tiada tanah air bagi orang yang bodoh.

Pernyataan ulama di atas diperkuat dan disokong oleh al-Quran yang mana Allah menjamin darjat mulia bagi orang yang beriman dan berilmu iaitu terdapat dalam firman Allah SWT:

يَتَأَمَّلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَاقْسُحُوا يَفْسَحُ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ ذَرْ جَهَنَّمَ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ حَبِيرٌ

(al-Mujadalah 58: 11)

Maksud: Wahai orang-orang beriman, apabila dikatakan kepadamu, berlapang-lapanglah kamu dalam majelis, maka lapangkanlah nescaya Allah akan melapangkan (pula urusamu) dan apabila dikatakan berdirilah, maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang-orang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa derajat dan Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Sedangkan contoh daripada hadis iaitu yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah (1998) daripada Anas bin Mālik berbunyi (Abu Mazaya al-Hafiz 2010):

### المحروم من حرم الوصية

Maksud: Orang yang dihalangi daripada kebaikan ialah orang yang enggan mengeluarkan wasiat.

Hadis tentang wasiat di atas diperkuat oleh firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 180) yang bermaksud:

Diwajibkan atas kamu, apabila seseorang telah mendekati kematian, jika dia meninggalkan harta, supaya berwasiat untuk ibu bapanya dan kerabat menurut cara yang pantas sebagai kewajiban atas orang-orang yang bertaqwā.

Contoh daripada syair pula ialah sebagai berikut (Abu Mazaya al-Hafiz 2010) :

يا من بدنياه اشتغل # قد غره طول الأمل ، او لم يزل في غفلة # حتى دنا منه  
الأجل ، الموت يأتي بغتة # والقبر صندوق العمل ، اصر على اهواها # لا موت  
الا بالأجل

Maksud: Wahai orang yang sibuk mengurus dunia, sungguh engkau telah tertipu oleh angan-anganmu yang panjang. Mengapa engkau selalu lupa? hingga datang kepadamu ajal. Maut itu akan datang kepadamu dengan tiba-tiba, dan kubur itu adalah peti segala amal, sabarlah terhadap ketakutan-ketakutan yang ada di dunia, tiada kematian melainkan ajalnya telah tiba.

Maksud daripada syair di atas adalah bahawa kematian akan sentiasa menjemput dan mengejar manusia sekalipun dia cuba mengelak dan bersembunyi sampai kesarang semut sekalipun. Syair di atas di kuatkan oleh firman Allah SWT:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ۝ فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً۝ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ۝

(al-A'raf 7: 34)

Maksud: Dan tiap-tiap umat mempunyai ajal, maka apabila telah datang ajalnya mereka tidak dapat mengundurnya sedetik pun begitu juga memajukannya.

Contoh daripada hikayat pula ialah hikayat Luqman al-Hakim dan wasiatnya kepada anaknya (Abu Mazaya al-Hafiz 2010):

يابني ان الناس ثلاثة اثلاث : ثلث الله وثلث لنفسه وثلث للدود فأما ما هو لله فهو حم  
واما ما هو لنفسه فعلمه واما ما هو للدود فجسمه

Maksud: Wahai anakku, sesungguhnya manusia itu ada tiga perkara, sepertiga untuk Allah, sepertiga untuk dirinya dan sepertiga untuk cacing, adapun yang untuk Allah adalah ruhnya yang untuk dirinya adalah amalnya dan yang untuk cacing adalah jasadnya. Hikayat dan wasiat ini di kuatkan oleh ayat al-Quran (Luqman 31: 13-19).

### **Sebagai *Bayān al-Tawdīh (Taqṣīd)***

Untuk pengertian *al-Bayān* sudah penulis jelaskan di atas, sedangkan yang dimaksud dengan *al-Tawdīh* adalah nyata dan jelas lawan dari samar-samar (Ibrāhim Muṣṭafā dkk 1960), yang dimaksud dengan *Taqṣīd* pula adalah jalan atau arah yang ingin dituju (Ibrāhim Muṣṭafā dkk 1960). Jadi yang dimaksud dengan *Bayān Tawdīh (Taqṣīd)* adalah penjelasan terhadap sesuatu yang ingin dituju atau dimaksudkan. Imam Mālik bin Anas mengatakan bahawa yang dimaksud dengan *Bayān Tawdīh (Taqṣīd)* adalah menerangkan maksud-maksud ayat atau kalimat tertentu jika sekiranya masih belum jelas maksudnya (Hasbi ash-Shiddieqy 2010). Tetapi di sini penulis menyatakan bahawa yang dimaksud dengan *Bayān Tawdīh (Taqṣīd)* dalam kitab *Naṣā'iḥ al-'Ibād* adalah bahawa penulis kitab memasukkan ayat-ayat al-Quran sebagai penjelasan untuk mengungkapkan maksud erti dan tujuan kata sebenarnya. Contohnya adalah seperti ungkapan dibawah ini (Abu Mazaya al-Hafiz 2010):

اطعنى فيما امرتك ولا تعصى فيما نصحتك

Maksud: Taatlah kamu kepada perintahku dan janganlah kamu mendorhakai segala nasihatku. Ungkapan perintah dan larangan ini dijelaskan maksudnya dalam al-Quran yang diistilahkan sebagai taqwa iaitu menjalankan segala apa yang diperintah Allah dan meninggalkan segala larangannya. Ayat al-Quran yang menyatakan tentang taqwa ini sangat banyak sekali misalnya terdapat dalam firman Allah SWT (Ali 'Imran 3: 102) kemudian juga terdapat dalam firman Allah SWT (al-Nisa' 4: 1) dan surah-surah yang lain.

Contoh kedua adalah *athar* daripada Ibn Abbās ketika ditanyakan kepadanya tentang hari apakah yang baik, bulan apakah yang paling baik, amal apakah yang baik? kemudian beliau menjawab(Abu Mazaya al-Hafiz 2010):

خَيْرُ الْأَيَّامِ يَوْمُ الْجُمُعَةِ وَخَيْرُ الشَّهُورِ شَهْرُ رَمَضَانَ وَخَيْرُ الْأَعْمَالِ الصَّلَاةُ الْخَمْسَ  
لوقتها

Maksud: Hari yang terbaik adalah hari Jumaat, bulan yang baik adalah bulan Ramadhan, dan amal yang paling baik adalah solat lima waktu yang dikerjakan pada waktunya.

Penulis kitab menjelaskan bahawa maksud hari Jumaat yang disebutkan oleh Ibn Abbas di atas di dalam kitab beliau adalah solat Jumaat oleh itu beliau memasukkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan hari Jumaat dan solat Jumaat iaitu terdapat dalam firman Allah SWT (al-Jumu'ah 62: 9-10) yang bermaksud:

Maksud: Wahai orang yang beriman, apabila kamu diajak untuk solat pada hari Jumaat, maka hendaklah kamu bersegera untuk mengingat Allah dan tinggalkanlah perkara niaga. Demikianlah yang lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. Maka apabila telah ditunaikan solat, hendaklah kamu bertebaran di muka bumi dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu beruntung.

### Sebagai *Bayān al-Gharīb*

Maksud *al-Bayān* sudah penulis jelaskan di atas, sedangkan yang dimaksud dengan kalimat *Gharīb* adalah ganjil atau asing (Haji Dasuki Ahmad 2012), atau diertikan sebagai seorang yang asing daripada yang lain (Ibrāhīm Muṣṭafā dkk 1960). Jadi yang dimaksud dengan *Bayān al-Gharīb* adalah kalimat yang asing yang masih memerlukan penjelasan atau keterangan. Di sini penulis menyatakan bahawa yang dimaksud dengan *Bayān al-Gharīb* dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* adalah penulis

kitab memasukkan ayat-ayat al-Quran sebagai penjelasan untuk menyatakan maksud daripada kalimat-kalimat *Gharīb* yang terdapat dalam isi kitab atau merincikan mana-mana sahaja ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kalimat *Gharīb* daripada isi kitab tersebut. Misalnya adalah perkataan Abū al-Faḍal tentang nama-nama kitab al-Quran (Abu Mazaya al-Hafiz 2010):

سَمِّيَ اللَّهُ كَتَابَهُ بِعَشْرَةِ اسْمَاءٍ قُرْآنًا وَ فُرْقَانًا وَ كِتَابًا وَ تَزْيِيلًا وَ هُدًى وَ نُورًا وَ رَحْمَةً وَ شَفَاءً  
وَ رُوحًا وَ ذِكْرًا

Maksud: Allah menamakan kitab-kitabnya dengan sepuluh nama iaitu al-Quran, al-Furqan, al-Kitab, al-Tanzil, al-Huda, al-Nur, al-Rahmah, al-Syifa', al-Ruh dan al-Zikr.

Daripada kata-kata *Gharīb* di atas penulis kitab mendatangkan ayat-ayat al-Quran yang bekaitan tentangnya seumpama kalimat *al-Huda*, *al-Nur*, *al-Rahmah* dan *al-Syifa'*. Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم مَّوْعِظَةً مِّن رَّبِّكُمْ وَشَفَاءً لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٥﴾  
(Yunus 10: 57)

Maksud: Wahai sekalin manusia, sungguh telah datang kepada kamu pengajaran daripada tuhanmu (al-Quran), penyembuh penyakit-penyakit dalam dada, petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Sedangkan untuk kalimat *al-Nur* pula Allah pun telah nyatakan dalam firman Allah SWT (al-Maidah 5: 15) yang bermaksud:

Wahai ahli kitab, sungguh telah datang kepada kamu Rasul kami, menjelaskan kepadamu banyak daripada isi al-Kitab yang kamu sembunyikan dan banyak pula yang dibiarkannya. Sungguh telah datang kepada kamu cahaya daripada Allah dan kitab yang terang.

Adapun tentang kalimat *al-Ruh* pula Allah sebutkan dalam firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكُمْ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا أَلِيمَنُ وَلَكِنْ جَعَلْنَا نُورًا  
لَهُدَى بِهِ مَنْ نَشَاءَ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ لَهُدَى إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾  
(al-Shura 42: 52)

Maksud: Dan demikianlah kami wahyukan kepadamu Ruh (al-Quran) dengan perintah kami, engkau (sebelumnya) tidak mengerti apa kitab dan apa iman, tetapi kami menjadikan al-Quran itu cahaya, yang dengannya kami memberi petunjuk orang-orang yang kami kehendaki di antara hamba-hamba kami, dan sesungguhnya engkau menunjuki kepada jalan yang lurus.

Adapun tentang kalimat *al-Zikr* Allah juga telah khabarkan dalam firman Allah SWT (al-Nahl 16: 44) yang bermaksud:

(Rasul-rasul diutus) dengan bukti-bukti dan kitab-kitab, dan kami menurunkan (al-Zikr) al-Quran kepadamu supaya engkau menjelaskan kepada manusia apa-apa yang diturunkan kepada mereka, supaya mereka berfikir.

Contoh yang kedua adalah tentang istilah bersuka ria *al-farh* (Abu Mazaya al-Hafiz 2010) dan di sini penulis kitab menyebutkan beberapa istilah *gharīb* dari ungkapan tersebut kemudian dijelaskan melalui ayat al-Quran. Antaranya adalah kalimat (berbangga diri) seperti mana firman Allah SWT:

إِنَّ قَرْوَنَ كَانَ مِنْ قَوْمٍ مُّوسَىٰ فَبَغَىٰ عَلَيْهِمْ وَءَاتَيْنَاهُ مِنَ الْكُنُوزِ مَا إِنَّ مَفَاتِحَهُ لَتَسْتَوْنَ بِالْعُصْبَةِ  
أُولَئِكُمُ الْقُوَّةُ إِذْ قَالَ لَهُمْ قَوْمُهُمْ لَا تَفْرَحُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْفَرِحِينَ ﴿٢٨﴾

(al-Qasas 28: 76)

Maksud: Sesungguhnya Qarun adalah termasuk kaum Musa, kemudian Qarun bersikap aninya kepada mereka, dan kami berikan kepadanya sebahagian perbendaharaan harta yang kunci-kuncinya sungguh berat dipikul sekumpulan orang yang mempunyai kekuatan, tatkala kaumnya berkata kepadanya, janganlah engkau sombong (berbangga diri), sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong (berbangga diri).

Kemudian istilah (puas hati) seperti mana dijelaskan dalam firman Allah SWT (al-Mu'minun 23: 53) yang bermaksud:

Mereka berpecah belah tentang urusannya menjadi beberapa golongan, tiap-tiap golongan merasa berpuas hati dengan apa yang ada pada mereka.

Selanjutnya adalah kalimat (gembira) Allah jelaskan dalam firman Allah SWT (Ali 'Imran 3: 170) yang bermaksud:

Mereka bergembira dengan kurnia Allah yang dilimpahkan-Nya kepada mereka, dan mereka bergembira terhadap orang-orang yang masih tinggal dibelakang yang belum menyusul mereka, bahawa mereka tiada merasa takut dan tidak pula mereka berdukacita.

### **Sebagai *Bayān al-Tafsīl***

Pengertian *al-Bayān* sudah penulis jelaskan sebelumnya, sedangkan yang dimaksud dengan *al-Tafsīl* adalah sesuatu yang bersifat jelas dan terperinci (Haji Dasuki Ahmad 2012). Ertinya keterangan untuk merincikan sesuatu yang masih singkat. Imam Mālik mengertikannya sebagai ungkapan untuk menerangkan apa yang masih susah difahami dan masih bersifat mujmal (Hasbi ash-Shiddieqy 2010). Tetapi di sini penulis menyatakan bahwa yang dimaksud dengan *Bayān al-Tafsīl* dalam kitab *Naṣā'iḥ al-'Ibād* adalah pengarang kitab memasukkan ayat-ayat al-Quran sebagai penjelasan untuk merincikan mana-mana saja ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sub judul kitab. Misalnya adalah judul kitab tentang masalah Jihad dan fadilahnya, maka penulis kitab memasukkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan tentang itu. Contohnya adalah tentang jihad (Abu Mazaya al-Hafiz 2010) kemudian di bawahnya di masukkan ayat-ayat yang berkaitan tentang jihad dan fadilahnya antaranya ialah terdapat dalam al-Quran (al-Nisa' 4: 74, 95-96), kemudian juga terdapat dalam al-Quran (al-Saf 61: 10-13) dan surah-surah lain (Abu Mazaya al-Hafiz 2010). Contoh yang kedua misalnya berjudul tentang Khauf dan Raja', maka penulis kitab memasukkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan itu, di antaranya ialah terdapat dalam firman Allah SWT (al-Zumar 39: 53) yang bermaksud:

Katakanlah wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya, sesungguhnya Dia lah yang maha pengampun lagi maha penyayang.

Kemudian terdapat dalam al-Quran (Ali 'Imran 3: 135) dan surah (al-Hijr 15: 49-50) (Abu Mazaya al-Hafiz 2010).

### **Sebagai *Bayān al-Qara'in* (Bukti-bukti Pendukung)**

Yang dimaksud dengan *al-Qara'in* adalah tanda atau bukti adanya sesuatu (Haji Dasuki Ahmad 2012) dan diertikan juga sebagai kawan atau teman yang menemanı (Ibrāhim Muṣṭafā dkk 1960). Jadi *Bayān al-Qara'in* adalah menjelaskan sesuatu dengan adanya tanda atau bukti-bukti nyata. Di sini penulis menyatakan bahwa yang dimaksud dengan *Bayān al-Qara'in* dalam kitab *Naṣā'iḥ al-'Ibād* adalah penulis kitab memasukkan ayat-ayat al-Quran sebagai bukti nyata daripada kisah-kisah yang beliau masukkan dalam kitabnya, ertinya kisah-kisah yang beliau ceritakan dalam kitab tersebut bukan hanya rekaan dan dongeng belaka tetapi ianya cerita benar sebab ada bukti nyata di dalam al-Quran disebutkan, misalnya adalah kisah Nabi Adam dan Iblis ketika Adam berada dalam syurga (Abu Mazaya al-Hafiz 2010) sebagaimana dibuktikan dalam al-Quran (Taha 20: 117-123). Kemudian tentang kisah Qabil dan

Habil sebagaimana terdapat dalam al-Quran surah (al-Ma'idah 5: 27-31). Kemudian tentang kisah Maryam yang terdapat dalam al-Quran surah (Maryam 19: 22-26). Kemudian kisah Ashabul Kahfi yang terdapat dalam al-Quran surah (al-Kahfi 18: 9-26) dan kisah-kisah yang lain (Abu Mazaya al-Hafiz 2010).

## KESIMPULAN

Dilihat dari kewujudan al-Quran dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* terhadap isi kandungan kitab sama ada terhadap hadis, syair, perkataan *hukama*, nasihat ulama dan sebagainya, maka secara umum dapat disimpulkan bahawa:

1. Shaykh Nawāwī sebagai seorang ulama Nusantara memberikan sumbangan yang besar terhadap rakyat Nusantara melalui karyanya iaitu *Naṣā'ih al-'Ibād*.
2. al-Quran sebagai sumber dan rujukan utama dalam pelbagai bidang memberi peranan penting dalam menyokong, menguatkan dan memberikan penekanan terhadap isi kandungan kitab *Naṣā'ih al-'Ibād*.
3. Ayat al-Quran tidak banyak digunakan dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* oleh Shaykh Nawāwī kerana isi kandungan kitab hanya fokus kepada hadis, sya'ir dan perkataan hukama, tidak terjadi percampuran antara kalam Allah dan kalam Nabi sehingga memudahkan bagi pengkaji untuk membuat kajian terhadap isi kitab tersebut.

## RUJUKAN

al-Quran

Abu Mazaya al-Hafiz. 2010. *Nashaihul 'Ibad Imam Nawawi (Nasihat-Nasihat Agama Kepada Calon Penghuni Syurga)*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

al-Bantani, Abdurahman Nawawi. 1996. *An Intelectual Master of the Pesantren Tradition, Dalam Studi Dinamika*. Jakarta: INIS.

al-Bantānī, Muḥammad Nawāwī. t.th. *Naṣā'ih al-'Ibād fī Bayān Alfāz Munabbihāt 'Ala al-Isti'dād li Yaum al-Ma'ad*. Indonesia: Dār Iḥta' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Bruinesen Martin Van. 1995. *Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat)*. Bandung: Mizan.

C.Brockelmann. 1960. *al-Nawawi. Dlm. Encyclopedia of Islam*. Leiden: t.pt.

Chaidar. 1978. *Sejarah Pujangga Islam Syaikh Nawawi Bantani*. Jakarta: CV Sarana Utama.

Ensiklopedia Islam. 1994. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

- Ensiklopedia Islam Indonesia. 1993. Jakarta: Depdikbud Indonesia.
- Haji Dasuki Ahmad. 2012. *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Hamka. 1981. *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hasbi ash-Shiddieqy. 2010. *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadis*. Cetakan 5. Semarang: Pustaka Rizki Putra.
- Hurgronye, C. Snouck. 1931. *Mecca in the Later Part of the Nineteenth Century*. Leiden: t.pt.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī. 1998. *Sunan Ibn Mājah*. Taḥqīq: Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibrāhim Muṣṭafā dkk. 1960. *Mu’jam al-Wāsit*, Istanbul: Maktabah al-Islāmiyah.
- Moh, Rifa’i. 1978. *Ilmu Fiqh Islam Lengkap*. PT: Karya Toga Putra.
- Nuruddin ‘Itr. 1992. *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Hadīth*. Dimasq: Dār al-Fikr.
- Rafī’uddin Ramlī. t.th. *Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Bantani*. Banten: Yayasan Nawawi Tanara.
- Sarkis, Yūsuf ‘Allan. t.th. *Mu’jam al-Matbū’ah al-‘Arabiyyah wa al-Mu’arrabah*. al-Qāhirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Wan Mohd.Saghir. 2000. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zamakhsyari Dhofier. 1984. *Tradisi Pesantren*. Jakarta: LP3ES.